

Memahami Permasalahan Golongan Terpinggir di Bandar: Kajian Kes Gelandangan di George Town, Pulau Pinang

*Understanding the Problems of Marginalized Group in City: A Case Study of Homeless People
in George Town, Penang*

Muhammad Wafi Ramli* & Sharifah Rohayah Sheikh Dawood

Geography Section, School of Humanities,
Universiti Sains Malaysia, 11800 Minden, Pulau Pinang
*e-mel: wafiramli22@gmail.com

Received: 24 April 2017; Accepted: 18 July 2017; Published: 31 October 2017

Abstrak

Gelandangan bukanlah suatu fenomena yang baru di negara ini, namun sejak kebelakangan ini ia telah menjadi satu masalah sosial yang semakin berleluasa dan memerlukan pemerhatian serius daripada semua pihak. Masalah gelandangan ini juga telah menarik perhatian umum dan para sarjana kerana implikasinya yang begitu mendalam terhadap isu kemanusiaan khususnya pemunggiran sosial dan isu kelestarian bandar serta komuniti setempat. Objektif utama kajian ini adalah untuk membongkar demografi golongan gelandangan dan meneroka punca-punca yang menyumbang kepada kewujudan mereka khususnya di George Town, Pulau Pinang. Kajian ini menggunakan kaedah campuran iaitu kualitatif dan kuantitatif. Pengumpulan data telah dijalankan melalui kaedah soal selidik ke atas 30 orang responden gelandangan, manakala temu bual secara mendalam telah dijalankan ke atas 15 orang informan gelandangan yang dipilih daripada 30 orang responden tersebut. Data daripada soal selidik telah dianalisis dengan menggunakan perisian Statistical Package for Social Science (SPSS), manakala data daripada temu bual mendalam telah dianalisis secara analisis kandungan. Hasil kajian ini mendapat bahawa faktor tiada tempat tinggal, tiada pekerjaan, konflik keluarga, pengaruh dadah, diusir dari rumah dan tiada ahli keluarga menjadi penyumbang utama kepada populasi gelandangan di George Town. Kajian ini berpotensi untuk menyumbang kepada pengetahuan mengenai isu pemunggiran sosial yang berlaku terhadap golongan gelandangan di Malaysia khususnya Pulau Pinang dan implikasinya terhadap kelestarian hidup komuniti bandar.

Kata kunci gelandangan, golongan terpinggir, George Town, Pulau Pinang, Malaysia

Abstract

Homelessness is not a new phenomenon in this country, but in recent years it has become an increasingly prevalent social problem and requires a serious observation of all parties. The homeless issues have also attracted the attention of the public and scholars because its implications are so profound humanitarian issues, especially social exclusion and the issue of sustainability and local communities. The main objectives of this study are to unravel the demographics of the homeless and explore the causes that contribute to their existence, especially in George Town, Penang. This study used quantitative and qualitative methods. The data was collected using questionnaires which were conducted on 30 respondents of homeless, while in-depth interviews were conducted on 15 informants of homeless selected from 30 respondents. The data from the questionnaires were analysed using the Statistical Package for Social Science (SPSS) software, while data from the in-depth interviews were analysed by content analysis. The results showed overall homelessness, unemployment, family conflict, the influence of drugs, driven from home and no family members were major contributors to the homeless population in George Town. This study has the potential to contribute the knowledge on the issue of social exclusion which applies to the homeless in Malaysia especially Penang and its implications for the sustainability of community life.

Keywords homelessness, marginalized group George Town, Penang, Malaysia

PENGENALAN

Sejak kebelakangan ini isu gelandangan seakan-akan menjadi sebuah fenomena sosial yang semakin menarik perhatian umum kerana menimbulkan persoalan kepada masyarakat sekeliling. Isu gelandangan juga sering digembar-gemburkan oleh media massa terutamanya yang berlaku di Kuala Lumpur, Johor, Selangor, Sarawak dan juga Pulau Pinang (Drani, 2016). Masalah gelandangan ini kebiasaannya wujud disebabkan oleh pelbagai faktor seperti masalah ekonomi, masalah psikologi, isu dengan keluarga serta kegagalan mencari pekerjaan apabila berhijrah ke bandar (Sinar Harian, 18 November 2015). Secara umumnya manusia berhijrah ke bandar adalah untuk mendapatkan keperluan hidup yang lebih baik dan mencapai kehendak mereka terutamanya di beberapa bandar besar seperti Kuala Lumpur, Johor Bahru, George Town dan sebagainya yang menjadi tumpuan penduduk di dalam mahupun luar bandar (Yazid et al., 2015). Muhammad Safuan et al.(2015) menyatakan bahawa bilangan penduduk di Malaysia bertambah dari setahun ke setahun dan ianya meningkatkan lagi permintaan terhadap tempat tinggal, peluang pekerjaan dan sebagainya. Apabila bilangan penduduk meningkat saban tahun, ianya tidak bererti bahawa mereka mendapat semua peluang dan kemudahan tersebut terutamanya apabila mereka berada di bandar. Akibatnya secara tidak langsung menyumbang kepada gejala sosial seperti gelandangan. Isu yang sering dilontarkan mengenai golongan gelandangan adalah mereka sering menjadikan kaki lima, bawah jambatan, celah-celah bangunan, taman-taman bunga dan perhentian bas sebagai tempat untuk mereka berteduh, berehat dan tidur (Rafiza, 2015). Di Malaysia, golongan gelandangan ini biasanya terdiri daripada kaum Melayu, Cina dan India. Hal ini juga disokong oleh Nasir (2016) yang menyatakan bahawa dalam mana-mana kes masalah sosial yang berlaku di negara ini banyak melibatkan kaum Melayu berbanding etnik Cina dan India.

Jadual 1 Bilangan gelandangan di Malaysia (2013-2015)

| Tahun | Jumlah Gelandangan |
|---------------|--------------------|
| 2013 | 1048 |
| 2014 | 1469 |
| 2015 | 1527 |
| Jumlah | 4044 |

Sumber: Diubahsuai daripada Portal Rasmi Jabatan Kebajikan Masyarakat Malaysia (2016)

Di Malaysia terdapat bandar-bandar yang besar seperti Kuala Lumpur, Johor Bahru, Kuching, dan juga George Town. Kebanyakan golongan gelandangan wujud di bandar-bandar tersebut. Berdasarkan Jadual 1 di atas, pada tahun 2013, jumlah gelandangan di Malaysia mencatatkan bilangan sebanyak 1048 orang iaitu seramai 730 orang terdiri daripada lelaki dan 318 orang lagi adalah wanita. Seterusnya, jumlah gelandangan terus meningkat pada tahun 2014 dengan mencatatkan bilangan sebanyak 1469 orang di mana 988 orang adalah lelaki dan 481 orang lagi adalah wanita. Manakala, pada tahun 2015, jumlah gelandangan semakin meningkat kepada 1527 orang di mana 1003 orang adalah lelaki dan 524 orang lagi adalah wanita.

Selain itu, merujuk Jadual 1 di atas, jumlah keseluruhan gelandangan di Malaysia untuk tahun 2013, 2014 dan 2015 adalah seramai 4044 orang. Jumlah gelandangan yang paling ramai adalah di Kuala Lumpur, Selangor dan Pulau Pinang yang mencatatkan antara kadar bilangan yang tertinggi di Malaysia. Masalah gelandangan ini bukan sahaja berlaku di Malaysia, tetapi di negara-negara lain juga seperti Amerika, India, China, Kanada, Indonesia dan lain-lain. Menurut Speak dan Tipple (2007), bilangan gelandangan di negara membangun dianggarkan di antara 100 juta hingga 1 bilion, di mana ianya bergantung kepada bagaimana sesebuah negara mengira dan mendefinisikan golongan ini. Sebagai contoh, negara yang membangun seperti Zimbabwe mendefinisikan gelandangan sebagai orang yang tidak mempunyai kawasan perumahan yang diluluskan secara rasmi. Mereka yang tidak hidup di bawah perlindungan yang berstruktur dan berbumbung juga dianggap sebagai gelandangan (Speak & Tipple, 2007).

Jadual 2 Bilangan gelandangan di Pulau Pinang (2013-2015)

| Tahun | Jumlah Gelandangan |
|---------------|--------------------|
| 2013 | 210 |
| 2014 | 176 |
| 2015 | 280 |
| Jumlah | 666 |

Sumber: Diubahsuai daripada Portal Rasmi Jabatan Kebajikan Masyarakat Malaysia (2016)

Berdasarkan Jadual 2 di atas, jumlah gelandangan di Pulau Pinang bermula pada tahun 2013 sehingga 2015 adalah sebanyak 666 orang. Pada tahun 2013, jumlah gelandangan mencatatkan seramai 210 orang gelandangan yang terdiri daripada 160 orang lelaki dan 50 orang wanita. Seterusnya, pada tahun 2014, seramai 176 orang gelandangan direkodkan iaitu 143 orang lelaki dan 33 orang wanita. Pada tahun 2015, jumlah gelandangan meningkat kepada 280 orang iaitu 196 orang adalah lelaki dan 84 orang lagi adalah wanita. Dapat dilihat bilangan gelandangan di Pulau Pinang menurun pada tahun 2014 namun terus meningkat pada tahun 2015. Peningkatan jumlah gelandangan pada tahun 2015 adalah kerana Pulau Pinang merupakan negeri yang maju dan menjadi tumpuan pelancong dari dalam dan juga luar negara. Malah, kebanyakan migrasi penduduk dalam negara juga berlaku ke negeri Pulau Pinang untuk mendapatkan kualiti hidup yang baik seperti mendapatkan pekerjaan, kesihatan, dan sebagainya (Rashid et al., 2016). Walau bagaimanapun, tidak semua penghijrahan tersebut menjanjikan peluang, ruang dan nasib yang baik kepada mereka lalu menjadikan mereka hidup di bandar sebagai gelandangan.

KAJIAN LITERATUR

Menurut Gaetz et al.(2014), terdapat banyak negara maju dan membangun yang telah menjalankan kajian mengenai fenomena gelandangan kerana ianya berkait rapat dengan isu pembangunan dan kelestarian sesebuah negara. National Destitute People Act 1977 dalam Laws of Malaysia (2006) mentakrifkan gelandangan sebagai mana-mana orang terbiar yang dijumpai di sesuatu tempat awam, sama ada mengemis ataupun tidak, yang pada zahirnya tidak mempunyai mata pencarian atau tempat tinggal atau tidak dapat menjelaskan dirinya secara memuaskan. The Housing, Homeless Persons Act 1977 dalam Robson & Poustie (1996) pula mendefinisikan gelandangan sebagai mereka yang bukan sahaja tidur kasar atau tinggal di penginapan sementara, tetapi mereka juga diancam oleh keadaan tiada tempat tinggal.

Frankish et al. (2005), mendefinisikan gelandangan adalah sebagai kontinum, yang terdiri daripada orang yang berisiko tidak memiliki rumah sendiri dan menjalani hidup dan tidur di jalanan. Bagi Olufemi (2000), gelandangan ditakrifkan sebagai mereka yang tiada perumahan sebenar, tinggal di perumahan yang tidak baik, tidur di laluan pejalan kaki, kekurangan keperluan asas dan kekurangan keperluan peribadi. Menurut Jellinek (1977) pula, gelandangan dibezakan daripada pendatang luar bandar ke bandar, di mana mereka tiba di bandar tanpa wang, tanpa kerja atau kemahiran yang berkaitan untuk menjana pendapatan dan tanpa hubungan dengan rakan-rakan dan saudara-mara yang menjadi satu bahagian penting dalam penyesuaian diri dalam kehidupan di bandar. Selain itu, Seychuk (2004) pula menyatakan bahawa gelandangan adalah termasuk dalam golongan yang berundur daripada pengusiran, kebankrapan, atau pemisahan keluarga misalnya kehilangan pekerjaan, penyakit, peningkatan kadar sewaan, mahupun kematian pasangan hidup. Berdasarkan kepada National Coalition for the Homeless, Washington DC (2007), gelandangan merupakan satu keadaan kompleks yang memerlukan orang ramai untuk memilih antara makanan, tempat tinggal, dan keperluan asas lain. Hanya usaha bersepada untuk memastikan pekerjaan yang dapat membayar gaji, sokongan hidup yang mencukupi bagi mereka yang tidak boleh bekerja, rumah mampu milik, dan akses kepada penjagaan kesihatan membawa kepada pengakhiran masalah gelandangan.

Dalam kajian Alhabshi dan Manan (2012) menyatakan bahawa di Malaysia tidak mempunyai takrifan tunggal yang menggambarkan fenomena isu gelandangan di mana boleh membawa pelbagai pihak seperti pegawai, peguam, penyelidik, mahupun pembuat dasar untuk menginterpretasi isu gelandangan ini dalam pelbagai cara. Bagaimanapun, tafsiran gelandangan telah menjadi sukar kerana ianya bersifat kompleks. Dalam kajian mereka juga mendapati bahawa terdapat responden yang mempunyai tabiat negatif seperti ketagihan dadah, alkohol dan berjudi di mana ianya menjadi faktor mengapa mereka terjerumus dalam kehidupan sedemikian (Alhabshi & Manan, 2012). Menurut Mohamad et al. (2016) menyatakan bahawa seorang gelandangan itu tidak semestinya mempunyai masalah seperti tiada pekerjaan untuk menjadikan jalanan sebagai tempat tinggal mereka. Selain daripada faktor tiada pekerjaan, terdapat banyak faktor lain yang menyebabkan seseorang itu menjadi gelandangan seperti berpendapatan rendah sehingga tidak mampu memiliki atau menyewa rumah terutamanya di kawasan bandar, warga tua yang tiada waris, penagih dadah, pesakit mental dan mereka yang lari daripada rumah sama ada disebabkan masalah rumah tangga, keluarga atau pengaruh sosial lain yang turut melibatkan golongan kanak-kanak.

Menurut Fazel et al. (2014), fenomena gelandangan dipengaruhi oleh faktor individu dan faktor struktural. Faktor individu termasuk kemiskinan, pengalaman awal kanak-kanak yang buruk, kesihatan mental dan masalah penyalahgunaan dadah, sejarah peribadi hidup yang berkenaan dengan keganasan dan

sistem keadilan jenayah. Manakala faktor struktural pula adalah kekurangan atau ketiadaan perumahan kos rendah, pengangguran, kekurangan peluang untuk pekerja mahir rendah dan sokongan pendapatan. Yani *et al.* (2016) pula menyatakan bahawa keadaan kesihatan, perpecahan dan pengabaian keluarga, penderaan kanak-kanak, kemiskinan, masalah tingkahlaku, kehilangan pekerjaan dan tiada tempat tinggal menjadi faktor yang besar dalam menyumbang kepada permasalahan gelandangan. Menurut Ghee dan Omar (2015) gelandangan pada asasnya adalah masalah kemiskinan di mana mereka tidak mempunyai pendapatan yang mencukupi (seperti upah atau pencen) untuk membayar rumah dan keperluan asas. Penyelesaian masalah gelandangan ini memerlukan lebih daripada sekadar menyuruh gelandangan untuk "mendapatkan pekerjaan". Dalam kajian mereka juga mendapati bahawa tidak ramai masyarakat yang menyedari keadaan gelandangan di Malaysia. Walau bagaimanapun, majoriti adalah prihatin dan bersedia untuk membantu gelandangan melalui sumbangan, pengedaran makanan, mewujudkan program pekerjaan dan perkhidmatan sosial yang dianjurkan oleh kerajaan atau agensi bukan kerajaan (NGO) (Ghee & Omar, 2015).

KAEDAH KAJIAN

Kajian ini menggunakan kaedah campuran iaitu kuantitatif dan kualitatif. Kaedah kuantitatif yang digunakan adalah melibatkan soal selidik khusus kepada 30 orang responden gelandangan. Manakala, kaedah kualitatif pula melibatkan temu bual mendalam bersama 15 informan gelandangan dalam kalangan 30 orang responden gelandangan tersebut. Kaedah persampelan yang digunakan dalam kajian ini adalah persampelan bertujuan di mana golongan gelandangan sahaja yang dijadikan sebagai responden. Menurut Aripin *et al.* (2014), penggunaan persampelan bertujuan membolehkan pengkaji menentukan responden yang sesuai dan khusus dengan tujuan kajiannya.

Data daripada soal selidik dianalisis menggunakan Statistical Package for Social Science (SPSS), manakala data daripada temu bual secara mendalam pula dianalisis dengan menggunakan analisis kandungan hasil daripada transkripsi perbualan yang telah direkodkan. Kaedah soal selidik telah dijalankan untuk mendapatkan maklumat mengenai latar belakang demografi gelandangan. Manakala, temu bual mendalam pula dijalankan untuk mendapatkan maklumat punca-punca yang mendorong mereka memilih untuk hidup secara bergelandangan. Temu bual mendalam juga hanya dilakukan bersama Persatuan Pergerakan Khidmat Komuniti Universiti Sains Malaysia kerana persatuan ini sering mengadakan program membantu golongan gelandangan di George Town dengan memberi bantuan keperluan asas iaitu makanan seperti roti dan air mineral. Pengkaji mengambil keputusan untuk turun ke lapangan bersama persatuan ini kerana kebanyakan gelandangan dilihat selesa dengan mereka. Di samping itu, mereka juga boleh mengawal keadaan sekiranya berlaku sesuatu yang tidak diingini. Kawasan kajian dikhususkan di sekitar kawasan Kompleks Tun Abdul Razak (KOMTAR) sahaja kerana jumlah gelandangan di sekitar kawasan KOMTAR adalah paling ramai di Pulau Pinang. KOMTAR terletak di pusat bandar George Town di mana kawasan ini merupakan kawasan yang maju dan terdapat kepelbagai an akses dan kemudahan yang disediakan di sini di samping ianya merupakan salah sebuah kawasan tumpuan pelancong asing (Sinar Harian, 22 Julai 2014).

PERSPEKTIF TEORITIKAL

Maslow (1954) telah menerbitkan hasil teorinya berasaskan kepada pemikirannya mengenai keperluan-keperluan asas manusia. Beliau melihat keperluan-keperluan manusia berdasarkan kepada lima peringkat. Lima peringkat Hierarki Keperluan Maslow adalah keperluan fisiologi, keperluan keselamatan, keperluan kasih sayang, keperluan penghargaan dan keperluan pencapaian hasrat diri. Individu akan didorong untuk memenuhi mana-mana satu keperluan yang paling nyata atau kuat pada sesuatu masa, bergantung kepada keadaan serta pengalaman yang lalu.

Merujuk konteks kehidupan gelandangan, peringkat yang paling sesuai untuk mengkategorikan kehidupan gelandangan adalah seperti peringkat Keperluan Keselamatan, Keperluan Kasih Sayang dan juga Keperluan Fisiologi. Di peringkat Keperluan Keselamatan seperti perlindungan, pakaian, dan tempat tinggal adalah penting untuk setiap manusia itu berteduh daripada sebarang ancaman persekitaran mahupun melindungi diri daripada anasir-anasir yang tidak baik. Dalam konteks gelandangan, mereka yang dilihat tidur bertempiaran di jalanan kebanyakannya tidak mempunyai tempat tinggal akibat daripada kos sara hidup yang tinggi (Flaming *et al.*, 2009). Kehidupan mereka adalah bersifat "terbuka" di mana mereka tidak mempunyai tempat perlindungan yang privasi untuk diri sendiri. Akibatnya, mereka mudah untuk terkena

ancaman kerana mereka hidup secara bertempiaran (Ciambrone & Edgington, 2009). Selain itu, di peringkat keperluan fisiologi seperti makanan, minuman, kesihatan dan udara amat penting bagi setiap manusia untuk kelangsungan hidup mereka. Dalam konteks gelandangan, biasanya keperluan fisiologi ini tidak dapat dipenuhi dalam kehidupan mereka. Ini disebabkan oleh faktor tiada pekerjaan, kos perumahan yang tinggi, kemiskinan dan upah yang rendah, kekurangan akses kepada program bantuan makanan tambahan, dan kos perubatan atau kesihatan (National Coalition for the Homeless, 2011). Seterusnya yang terakhir adalah peringkat keperluan kasih sayang. Keperluan kasih sayang amat penting dalam menyemarakkan hubungan positif dalam kalangan komuniti. Dalam konteks gelandangan, golongan yang terpinggir juga mempunyai perasaan untuk dikasihi, disayangi, dan dihormati, dipercayai, dan diberi sokongan emosi dan sosial (Limebury & Shea, 2015). Persepsi buruk yang tertanam dalam pemikiran masyarakat perlu dikenyalagi untuk tidak mewujudkan jurang perhubungan sesama masyarakat. Apabila kasih sayang dikongsi, ditanam dalam persepsi yang positif, ia akan dapat mewujudkan masyarakat yang harmoni dan sejahtera (Costanza et al., 2007).

Lee (1966) telah mengemukakan pandangannya melalui teori membuat keputusan dalam migrasi. Beliau mendefinisikan migrasi sebagai perubahan tempat tinggal secara tetap dan secara separuh tetap dalam teorinya ini. Beliau mengemukakan empat faktor utama yang diperolehnya melalui siri hipotesis migrasi. Beliau memulakan teorinya dengan menyatakan bahawa setiap keputusan untuk berhijrah mestilah ada:

- i. Faktor kawasan asal
- ii. Faktor kawasan destinasi
- iii. Halangan-halangan perantaraan
- iv. Faktor peribadi

Menurut Lee (1996) lagi, kawasan asal dan destinasi dinilai oleh seseorang dengan positif atau negatifnya kawasan tersebut sebelum mengambil keputusan untuk berhijrah. Di tempat asal dan destinasi, terdapat keadaan-keadaan yang boleh menarik (positif) dan menolak (negatif). Faktor positif dan negatif ini termasuklah peluang pekerjaan, situasi hidup, iklim, kewujudan kemudahan rekreasi dan kebudayaan, wujud atau tidaknya ancaman diskriminasi dan faktor kos. Setiap keadaan tersebut mempunyai kesan yang berlainan terhadap ciri dan peribadi seseorang penduduk. Hal ini juga dinyatakan oleh Ludo (2008) iaitu terdapat banyak faktor yang menjadi pendorong berlakunya migrasi antaranya adalah faktor pendidikan, perkahwinan, peluang pekerjaan dan faktor geografi. Walau bagaimanapun, halangan-halangan perantaraan seperti jarak, kos pengangkutan, undang-undang imigresen dan halangan geografi akan mengehadkan migrasi kepada mereka yang mampu menempuh halangan ini. Lee (1996) merumuskan bahawa mereka yang tertarik kepada unsur positif di destinasi terdiri daripada mereka yang lebih baik cirinya seperti berpendidikan berbanding mereka yang tertarik kepada unsur negatif di kawasan awal. Ini bermakna set positif dan set negatif baik di kawasan asal maupun destinasi ditakrif secara berbeza oleh setiap migran. Seterusnya menurut beliau, faktor teknologi kurang penting dalam mencetuskan migrasi berbanding faktor peribadi dan merumuskan bahawa keputusan untuk berhijrah bukanlah semuanya dibuat secara rasional. Beliau berpandangan sedemikian kerana manusia tidak mempunyai sikap, cara berfikir dan tanggapan yang sama terhadap sesuatu keadaan.

HASIL KAJIAN

Demografi Gelandangan

Bahagian ini menjelaskan mengenai latar belakang demografi 30 orang responden gelandangan yang telah direkod dengan menggunakan soal selidik. Demografi meliputi semua maklumat seperti umur, jantina, agama, bangsa, taraf perkahwinan, negeri kelahiran, taraf pendidikan, pekerjaan, pendapatan bulanan, penyakit, faktor menjadi gelandangan dan tempoh menjadi gelandangan. Penjelasan mengenai demografi responden dibentangkan dalam bentuk jumlah bilangan responden dan peratusan. Jadual 3 merupakan maklumat demografi daripada 30 orang responden gelandangan yang telah diolah dalam bentuk data.

Jadual 3 Umur responden gelandangan

| Umur | Jumlah Responden | Peratusan (%) |
|-------|------------------|---------------|
| 20-30 | 3 | 10.0 |
| 31-40 | 13 | 43.3 |
| 41-50 | 9 | 30.3 |
| 51-60 | 3 | 10.0 |
| 61-70 | 2 | 6.7 |

Berdasarkan Jadual 3 di atas, bagi kategori umur 30 orang responden gelandangan yang dikaji, peratusan sebanyak 43.3 peratus dicatatkan untuk kategori umur sekitar 31 tahun hingga 40 tahun dengan bilangan responden gelandangan seramai 13 orang iaitu tertinggi berbanding umur-umur yang lain. Berdasarkan laporan statistik gelandangan mengikut umur oleh Jabatan Kebajikan Masyarakat tahun 2015, jumlah gelandangan yang paling tertinggi mengikut umur adalah dari 30-39 tahun dengan mencatatkan bilangan seramai 442 orang gelandangan lelaki dan wanita (Portal Rasmi Jabatan Kebajikan Masyarakat, 2015). Seterusnya umur kedua tertinggi adalah dalam lingkungan 41 tahun hingga 50 tahun iaitu mencatatkan peratusan sebanyak 30.3 peratus dengan bilangan 9 orang responden gelandangan. Untuk kategori umur ketiga tertinggi pula, umur 20 tahun hingga 30 tahun dan 51 tahun hingga 60 tahun masing-masing mencatatkan peratusan yang sama iaitu 10 peratus dengan jumlah responden gelandangan seramai 3 orang. Akhir sekali, peratusan sebanyak 6.7 peratus untuk kategori umur 61 tahun hingga 70 tahun dengan mencatatkan bilangan responden gelandangan seramai 2 orang. Kategori umur ini merupakan yang paling terendah berbanding dengan kategori umur yang lain.

Jadual 4 Jantina responden gelandangan

| Jantina | Jumlah Responden | Peratusan (%) |
|---------|------------------|---------------|
| Lelaki | 24 | 80.0 |
| Wanita | 6 | 20.0 |

Selain itu, kategori jantina pada Jadual 4 pula menunjukkan jumlah gelandangan lelaki lebih ramai daripada wanita. Peratusan sebanyak 80 peratus untuk responden gelandangan lelaki dengan bilangan responden seramai 24 orang manakala responden gelandangan wanita pula mencatatkan peratusan sebanyak 20 peratus dengan bilangan responden seramai 6 orang. Dapatlah dilihat bahawa jumlah gelandangan yang paling ramai di George Town adalah terdiri daripada gelandangan lelaki. Hal ini disokong oleh Shipley dan Tempelmeyer (2012) yang menyatakan bahawa lelaki kerap dilihat bergelandangan berbanding wanita. Menurut Marpsat (1999), beliau menjalankan kajian terhadap gelandangan di Amerika Syarikat mendapati kebanyakan orang dewasa lelaki tunggal lebih cenderung untuk menjadi gelandangan berbanding wanita. Menurut North dan Smith (1993), terdapat beberapa faktor yang membuatkan lebih ramai lelaki menjadi gelandangan berbanding wanita. Salah satu faktor utama ialah lelaki dilihat mempunyai tanggungjawab untuk menyara keluarga yang mana menyebabkan lelaki cenderung untuk mudah tertekan jika tidak mampu menampung kos sara hidup yang tinggi sehingga mereka bergelandangan.

Jadual 5 Agama responden gelandangan

| Agama | Jumlah Responden | Peratusan (%) |
|----------|------------------|---------------|
| Islam | 14 | 46.7 |
| Buddha | 7 | 23.3 |
| Hindu | 5 | 16.7 |
| Kristian | 4 | 13.3 |

Bagi kategori agama pada Jadual 5 di atas, responden gelandangan yang beragama Islam mencatatkan peratusan yang paling tinggi iaitu sebanyak 46.7 peratus dengan bilangan seramai 14 orang responden gelandangan. Berdasarkan laporan statistik gelandangan mengikut umur oleh Jabatan Kebajikan Masyarakat tahun 2015, jumlah gelandangan yang paling tertinggi mengikut agama adalah mereka yang beragama Islam dengan mencatatkan bilangan seramai 615 orang gelandangan lelaki dan wanita (Portal Rasmi Jabatan Kebajikan Masyarakat, 2015). Hal ini dinyatakan di dalam akhbar Utusan Malaysia iaitu

golongan gelandangan di negara ini terdiri daripada pelbagai bangsa serta agama dan kebanyakannya orang Melayu beragama Islam (Utusan Malaysia, 15 Mei 2017). Manakala kedua tertinggi adalah gelandangan yang beragama Buddha dengan peratusan sebanyak 23.3 peratus iaitu melibatkan seramai 7 orang responden. Seterusnya adalah gelandangan yang beragama Hindu dengan peratusan sebanyak 16.7 peratus iaitu melibatkan seramai 5 orang responden gelandangan dan yang terakhir adalah gelandangan yang beragama Kristian dengan peratusan sebanyak 13.3 peratus iaitu melibatkan seramai 4 orang responden gelandangan.

Jadual 6 Bangsa responden gelandangan

| Bangsa | Jumlah Responden | Peratusan (%) |
|--------|------------------|---------------|
| Melayu | 14 | 46.7 |
| Cina | 10 | 33.3 |
| India | 6 | 20.0 |

Di samping itu, kategori bangsa pada Jadual 6 di atas pula menunjukkan bangsa Melayu mencatatkan peratusan yang paling tinggi iaitu sebanyak 46.7 peratus dengan bilangan responden gelandangan seramai 14 orang. Manakala kedua tertinggi pula adalah gelandangan yang berbangsa Cina iaitu mencatatkan peratusan sebanyak 33.3 peratus dengan bilangan responden gelandangan seramai 10 orang. Seterusnya, yang terakhir adalah gelandangan yang berbangsa India iaitu mencatatkan peratusan sebanyak 20 peratus dengan bilangan responden gelandangan seramai 6 orang. Jika dirujuk statistik oleh Jabatan Kebajikan Masyarakat untuk setiap tahun, memang tidak dapat dinafikan bahawa gelandangan di dalam Malaysia ini kebanyakannya adalah dalam kalangan bangsa Melayu yang mencatatkan jumlah yang paling tertinggi dan diikuti oleh bangsa Cina dan seterusnya bangsa India. Pada tahun 2015, jumlah gelandangan di Malaysia dalam kalangan bangsa Melayu sahaja adalah sebanyak 615 orang, diikuti bangsa Cina sebanyak 228 orang dan bangsa India sebanyak 236 orang (Portal Rasmi Jabatan Kebajikan Masyarakat, 2015). Mohamad et al. (2016) dalam kajiannya juga menyatakan bahawa apabila melihat kepada kumpulan bangsa, lebih ramai gelandangan daripada bangsa Melayu dijumpai berbanding bangsa lain. Secara relatifnya, penduduk Malaysia lebih ramai berbangsa Melayu dan ini turut menyumbang kepada peningkatkan bilangan gelandangan berbangsa Melayu berbanding kumpulan bangsa lain.

Jadual 7 Status perkahwinan responden gelandangan

| Status Perkahwinan | Jumlah Responden | Peratusan (%) |
|--------------------|------------------|---------------|
| Bujang | 19 | 63.3 |
| Bercerai | 8 | 26.7 |
| Berkahwin | 3 | 10.0 |

Bagi kategori status perkahwinan pada Jadual 7 di atas, kebanyakan gelandangan adalah berstatus bujang. Peratusan yang tertinggi adalah kategori bujang dengan mencatatkan sebanyak 63.3 peratus iaitu melibatkan seramai 19 orang responden gelandangan. Manakala kedua tertinggi pula adalah kategori bercerai dengan mencatatkan peratusan sebanyak 26.7 peratus iaitu melibatkan seramai 8 orang responden gelandangan. Seterusnya gelandangan yang berkahwin mencatatkan peratusan sebanyak 10 peratus dengan bilangan seramai 3 orang responden. Kebanyakan responden gelandangan adalah bujang dan mereka memberi alasan bahawa sudah selesa hidup dalam keadaan bujang. Masalah yang dihadapi oleh gelandangan adalah sukar untuk difahami. Dalam kes ini, ia dapat dijelaskan berdasarkan jadual di atas yang menunjukkan bahawa gelandangan di George Town masih ramai dalam keadaan bujang. Ini membuktikan bahawa individu yang tidak berkahwin mempunyai risiko untuk bergelandangan kerana tidak mempunyai tanggungjawab keluarga. Seterusnya individu yang telah berkahwin mungkin berisiko untuk menjadi gelandangan sekiranya mereka gagal untuk menguruskan rumah tangga dan tanggungjawab mereka dengan baik. Menurut Mohamad et al. (2016), majoriti gelandangan yang ditemui adalah bujang dan tidak pernah berkahwin ataupun telah bercerai sememangnya kurang mendapat sokongan keluarga kerana ketiadaan anak yang dapat menjaga mereka apabila usia mereka meningkat.

Jadual 8 Tahap pendidikan responden gelandangan

| Tahap Pendidikan | Jumlah Responden | Peratusan (%) |
|-------------------------|------------------|---------------|
| Tiada Pendidikan Formal | 6 | 20.0 |
| UPSR | 8 | 26.7 |
| PMR | 11 | 36.7 |
| SPM | 5 | 16.7 |

Selain itu, kategori tahap pendidikan pada Jadual 8 di atas pula menunjukkan terdapat empat kategori yang dapat dikenalpasti oleh gelandangan di Pulau Pinang iaitu UPSR, PMR, SPM dan Tiada Pendidikan Formal. Bagi kategori yang paling tinggi adalah PMR dengan mencatatkan peratusan sebanyak 36.7 peratus iaitu melibatkan responden gelandangan seramai 11 orang. Bagi kategori UPSR yang merupakan kedua tertinggi pula, mencatatkan peratusan sebanyak 26.7 peratus dengan melibatkan responden gelandangan seramai 8 orang. Seterusnya, bagi kategori tiada pendidikan formal, mencatatkan peratusan sebanyak 20 peratus dengan melibatkan responden gelandangan seramai 6 orang. Manakala yang terakhir sekali, bagi kategori SPM mencatatkan peratusan sebanyak 16.7 peratus iaitu melibatkan seramai 5 orang responden gelandangan. Kajian dapat menyimpulkan bahawa kebanyakan responden gelandangan yang mewakili George Town mempunyai tahap pendidikan sehingga SPM dan diikuti dengan PMR dan juga UPSR. Tahap pendidikan yang paling banyak dimiliki oleh gelandangan di George Town adalah PMR.

Jadual 9 Negeri asal responden gelandangan

| Negeri Asal Kelahiran | Jumlah Responden | Peratusan (%) |
|-----------------------|------------------|---------------|
| Pulau Pinang | 8 | 26.7 |
| Kedah | 7 | 23.3 |
| Perak | 5 | 16.7 |
| Johor | 3 | 10.0 |
| Kelantan | 2 | 6.7 |
| Melaka | 2 | 6.7 |
| Perlis | 2 | 6.7 |
| Kuala Lumpur | 1 | 3.3 |

Tambahan pula, kategori negeri asal responden gelandangan pada Jadual 9 melibatkan 8 buah negeri termasuklah negeri Pulau Pinang itu sendiri. Bagi bilangan gelandangan yang paling tertinggi adalah gelandangan yang berasal dari Pulau Pinang dengan mencatatkan peratusan sebanyak 26.7 peratus iaitu melibatkan seramai 8 orang responden gelandangan. Manakala yang kedua tertinggi adalah gelandangan yang berasal dari negeri Kedah di mana mencatatkan peratusan sebanyak 23.3 peratus iaitu melibatkan seramai 7 orang responden gelandangan. Selain itu, yang ketiga tertinggi pula adalah gelandangan yang berasal dari negeri Perak dengan mencatatkan peratusan sebanyak 16.7 peratus iaitu melibatkan seramai 5 orang responden gelandangan. Seterusnya, bagi negeri Johor yang merupakan keempat tertinggi, mencatatkan peratusan sebanyak 10 peratus iaitu melibatkan seramai 3 orang responden gelandangan. Bagi ketiga negeri seperti Kelantan, Melaka dan Perlis pula masing-masing mencatatkan peratusan sebanyak 6.7 peratus iaitu melibatkan seramai 2 orang responden gelandangan. Yang terakhir adalah negeri Kuala Lumpur dengan mencatatkan peratusan sebanyak 3.3 peratus iaitu melibatkan seorang responden gelandangan. Secara keseluruhan, responden gelandangan yang dominan dalam kajian ini adalah berasal dari Pulau Pinang dan negeri-negeri berdekatan seperti Kedah dan Perak iaitu dalam lingkungan wilayah utara.

Jadual 10 Jenis pekerjaan responden gelandangan

| Jenis Pekerjaan | Jumlah Responden | Peratusan (%) |
|-------------------|------------------|---------------|
| Tiada Pekerjaan | 7 | 23.3 |
| Pembantu | 6 | 20.0 |
| Keselamatan | | |
| Staf Pembersihan | 4 | 13.3 |
| Pembantu Restoran | 3 | 10.0 |
| Operator Kilang | 3 | 10.0 |

| | | |
|----------------|---|------|
| Penjaga Parkir | 3 | 10.0 |
| Pemandu | 2 | 6.7 |
| Pembantu Kedai | 1 | 3.3 |
| Pakaian | | |
| Pembantu Kedai | 1 | 3.3 |
| Rambut | | |

Bagi kategori jenis pekerjaan pada Jadual 10, kategori yang paling tinggi ialah tidak bekerja dengan mencatatkan peratusan sebanyak 23.3 peratus iaitu melibatkan seramai 7 orang responden gelandangan. Selain itu, berdasarkan analisis soal selidik, pengkaji dapat mengenal pasti 8 jenis pekerjaan semasa yang mewakili responden gelandangan di George Town. Antaranya adalah pembantu kedai pakaian, pembantu kedai rambut, operator kilang, pemandu, pembantu keselamatan, penjaga parkir, pembantu restoran, dan staf pembersihan. Bagi responden gelandangan yang bekerja sebagai pembantu keselamatan yang merupakan kategori kedua tertinggi, mencatatkan peratusan sebanyak 20 peratus iaitu melibatkan seramai 6 orang responden gelandangan. Seterusnya, gelandangan yang bekerja sebagai staf pembersihan yang merupakan kategori ketiga tertinggi dengan mencatatkan peratusan sebanyak 13.3 peratus iaitu melibatkan seramai 4 orang responden gelandangan. Untuk kategori pekerjaan seperti operator kilang, pembantu restoran dan penjaga tempat letak kereta yang merupakan kategori keempat tertinggi, masing-masing mencatatkan peratusan yang sama iaitu 10 peratus iaitu melibatkan seramai 3 orang responden gelandangan untuk setiap kategori pekerjaan tersebut. Selain itu, kategori kelima tertinggi pula adalah pemandu dengan mencatatkan peratusan sebanyak 6.7 peratus iaitu melibatkan seramai 2 orang responden. Yang terakhir, responden gelandangan yang bekerja sebagai pembantu kedai pakaian dan pembantu kedai rambut mencatatkan peratusan yang sama iaitu 3.3 peratus dengan bilangan masing-masing seorang responden. Bagi mereka yang bekerja sebagai staf pembersihan atau lebih di kenali sebagai *cleaner*, terdapat di antara mereka bekerja sebagai *cleaner* mahkamah, tandas awam dan juga di pusat beli belah. Bagi mereka yang bekerja sebagai penjaga tempat letak kereta, kebiasaanya mereka menjalani aktiviti pekerjaan tersebut pada waktu malam di kawasan-kawasan tumpuan pelancong seperti di Lebuh Chulia, Padang Kota Lama, Lebuh Kapitan dan sebagainya.

Selain itu, bagi kategori gelandangan yang bekerja sebagai pemandu, mereka bekerja sebagai pemandu bas awam di mana setelah tamat operasi memandu pada waktu malam, mereka terus bermalam dan tidur di sekitar stesen bas tersebut. Responden gelandangan yang bekerja sebagai pengawal keselamatan pula adalah dalam kalangan mereka yang bekerja di pusat beli belah, sekolah, pejabat kerajaan dan pejabat swasta. Seterusnya responden gelandangan yang bekerja di restoran pula, mereka biasanya menjadi pekerja di bahagian dapur sebagai pencuci dan pembersih restoran tersebut. Untuk responden gelandangan yang tidak bekerja, terdapat di antara mereka yang hanya berkeliaran dan hanya menagih simpati dan bantuan daripada insan-insan yang sudi membantu. Mereka juga setiap hari menunggu bantuan seperti makanan, ubat-ubatan, *toiletries* yang diagihkan oleh agensi bukan kerajaan dan individu-individu yang sukarela khususnya pada waktu malam. Selain itu, dalam kalangan gelandangan yang tidak bekerja ini, pada hari siangnya mereka mencari barang-barang yang boleh dijual seperti botol untuk dikumpul dan dijual, ada juga di antara mereka yang meminta sedekah di kaki lima. Kebanyakan mereka yang menjadi gelandangan bersedia melakukan apa juar aktiviti yang dapat memberikan pendapatan kepada mereka seperti mencuci kasut, mengemis, mengutip sampah dan ada juga antara mereka yang terjebak dengan aktiviti dadah (Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat –KPWKM, 2010).

Sekiranya dilihat kategori pekerjaan tersebut, ianya bukanlah dalam kategori profesional. Hanya kategori perkhidmatan dan pembuatan sahaja yang dapat dikenalpasti di mana gaji yang mereka perolehi daripada pekerjaan dalam kategori tersebut adalah tidak tinggi dan juga tidak mencukupi untuk menyara kehidupan sehari-hari serta menyewa rumah. Mereka tidak mempunyai pekerjaan yang dapat membantu meringankan kehidupan mereka. Jika dilihat mengapa golongan dewasa akhirnya menjadi gelandangan adalah disebabkan mereka sudah tidak bekerja yang tidak mempunyai sumber pendapatan yang mencukupi untuk menanggung kos sara diri yang semakin tinggi terutamanya di kawasan bandar. Tidak hairanlah jika mereka ini memilih untuk menjadi gelandangan kerana tidak lagi mampu bekerja disebabkan oleh masalah kesihatan dan kekurangan sumber sokongan keluarga (Mohamad et al., 2016).

Jadual 11 Pendapatan bulanan responden gelandangan

| Pendapatan Bulanan (RM) | Jumlah Responden | Peratusan (%) |
|-------------------------|------------------|---------------|
| Tiada Pendapatan | 7 | 23.3 |
| <500 | 13 | 43.3 |
| 501-1000 | 6 | 20.0 |
| 1001-1500 | 4 | 13.3 |

Selain itu, bagi kategori pendapatan bulanan pada Jadual 11 pula menunjukkan gelandangan yang bekerja dan mempunyai pendapatan bulanan di bawah RM 500 mencatatkan peratusan sebanyak 43.3 peratus iaitu melibatkan seramai 13 responden gelandangan. Bagi responden gelandangan yang tiada pendapatan pula, mencatatkan peratusan sebanyak 23.3 peratus iaitu seramai 7 orang responden. Manakala, responden gelandangan yang mempunyai pendapatan bulanan antara RM 501-1000 mencatatkan peratusan sebanyak 20 peratus iaitu melibatkan seramai 6 orang responden. Seterusnya, bagi responden gelandangan yang mempunyai pendapatan bulanan antara RM 1001-1500 adalah seramai 4 orang responden dengan peratusan sebanyak 13.3 peratus. Secara puratanya, kebanyakan pendapatan bulanan gelandangan yang bekerja adalah bawah daripada RM 1000. Jumlah tersebut tidak dapat menampung kos sara hidup di kawasan bandar yang membangun terutamanya Pulau Pinang yang amat terkenal sebagai bandar yang mempunyai kos sara hidup paling tinggi di Malaysia. Menurut artikel dalam akhbar Sinar Harian menyatakan bahawa Pulau Pinang menduduki tempat pertama dengan kos sara hidup paling tinggi di Malaysia. Antara faktor penyumbang paling tinggi ialah bayaran untuk harga sewa atau pinjaman perumahan (Sinar Harian, 25 Mac 2015).

Jadual 12 Tempoh responden bergelandangan

| Tempoh Bergelandangan (tahun) | Jumlah Responden | Peratusan (%) |
|-------------------------------|------------------|---------------|
| 2 | 3 | 10.0 |
| 3 | 4 | 13.3 |
| 4 | 3 | 10.0 |
| 5 | 7 | 23.3 |
| 6 | 8 | 26.7 |
| 7 | 3 | 10.0 |
| 8 | 2 | 6.7 |

Di samping itu, bagi kategori tempoh responden menjadi gelandangan pada Jadual 12 yang dapat dikenalpasti adalah dari 2 tahun hingga 8 tahun. Tempoh 6 tahun responden menjadi gelandangan adalah yang paling tinggi dengan mencatatkan peratusan sebanyak 26.7 peratus dengan bilangan responden gelandangan seramai 8 orang. Yang kedua tertinggi pula adalah tempoh 5 tahun yang mencatatkan peratusan sebanyak 23.3 peratus dengan responden gelandangan seramai 7 orang. Selain itu, tempoh 3 tahun pula adalah yang ketiga tertinggi dengan mencatatkan peratusan sebanyak 13.3 peratus di mana melibatkan seramai 4 orang responden gelandangan. Seterusnya, untuk tempoh selama 2 tahun, 4 tahun dan 7 tahun, masing-masing mencatatkan peratusan sebanyak 10 peratus iaitu melibatkan seramai 3 orang responden gelandangan. Yang terakhir, untuk tempoh 8 tahun mencatatkan peratusan sebanyak 6.7 peratus iaitu melibatkan seramai 2 orang responden gelandangan. Pengkaji dapat melihat bahawa majoriti dalam kalangan responden telah menjadi gelandangan lebih dari 5 tahun. Ini menunjukkan kebanyakan responden dalam kajian ini adalah mereka yang telah lama menjadi gelandangan. Tempoh 5 tahun ke atas bukanlah sesuatu masa yang singkat dan sudah semestinya gelandangan tersebut mengalami pelbagai suasana dan keadaan yang sukar dalam kehidupan mereka. Berdasarkan pemerhatian pengkaji, responden yang telah lama bergelandangan ini sudah biasa dengan kehidupan sebegini terutama mereka yang telah lama bergelandangan amat sukar untuk kembali ke pangkal keluarga kerana mereka telah menyesuaikan diri mereka dengan keadaan sedemikian.

Jadual 13 Jenis penyakit responden gelandangan

| Jenis Penyakit | Jumlah Responden | Peratusan (%) |
|-----------------------|------------------|---------------|
| Tiada Penyakit Kronik | 9 | 30.0 |
| Kencing Manis | 6 | 20.0 |
| HIV | 4 | 13.3 |
| Migrain | 3 | 10.0 |
| Darah Tinggi | 3 | 10.0 |
| Gout | 3 | 10.0 |
| Sakit Jantung | 3 | 10.0 |

Kategori yang terakhir ialah kategori jenis penyakit. Jadual 13 menunjukkan bahawa terdapat enam jenis kategori penyakit yang dapat dikenalpasti dalam kalangan responden gelandangan. Antaranya kategori penyakit yang telah dikesan adalah seperti darah tinggi, gout, HIV, kencing manis, migrain, dan sakit jantung. Terdapat responden gelandangan yang tidak mempunyai penyakit kronik dengan mencatatkan peratusan yang tertinggi sebanyak 30 peratus iaitu melibatkan seramai 9 orang responden. Untuk penyakit kencing manis yang merupakan kedua tertinggi, menunjukkan peratusan sebanyak 20 peratus dengan melibatkan seramai 6 orang responden gelandangan. Seterusnya, bagi responden yang mempunyai HIV yang merupakan ketiga tertinggi, mencatatkan peratusan sebanyak 13.3 peratus iaitu melibatkan seramai 4 orang responden. Selain itu, untuk kategori penyakit seperti migrain, darah tinggi dan gout yang merupakan keempat tertinggi, masing-masing mencatatkan peratusan yang sama iaitu 10 peratus dengan melibatkan responden gelandangan seramai 3 orang. Yang terakhir, responden gelandangan yang terlibat dengan penyakit sakit jantung mencatatkan peratusan sebanyak 6.7 peratus iaitu seramai 2 orang responden.

Jadi, bukanlah semua responden gelandangan dalam kajian ini mempunyai penyakit kronik kerana terdapat 9 orang responden yang tidak mengalami sebarang penyakit. Tetapi kebanyakan responden dalam kajian ini mempunyai penyakit kronik di mana melibatkan seramai 21 orang responden. Faktor kesihatan juga mungkin menyumbang kepada gejala berlakunya gelandangan walaupun terdapat pelbagai lagi faktor yang lain. Hal ini dipersetujui oleh Wilkins et al. (2008) yang menyatakan bahawa masalah kesihatan juga boleh membawa kepada seseorang itu menjadi gelandangan.

Faktor-Faktor Menjadi Gelandangan

Umumnya, seseorang yang menjadi gelandangan adalah disebabkan oleh beberapa faktor dan setiap faktor tersebut bukanlah sama bagi setiap orang gelandangan. Hasil analisis kajian ini menunjukkan terdapat beberapa faktor yang telah menjadi pendorong kepada berlakunya gejala gelandangan ini. Berdasarkan daripada 15 orang informan gelandangan yang telah dikaji dan ditemu bual secara mendalam, terdapat 6 faktor yang telah dapat dikenal pasti dalam kalangan gelandangan di George Town. Antara faktornya ialah i) tiada pekerjaan; ii) tiada tempat tinggal; iii) konflik keluarga; iv) pengaruh dadah; v) diusir dari rumah; dan vi) tiada ahli keluarga.

Berdasarkan faktor-faktor di atas, faktor yang paling tinggi berlakunya gelandangan adalah tiada pekerjaan dengan melibatkan seramai 5 orang informan gelandangan. Faktor tiada pekerjaan ini seringkali dilihat sebagai masalah pengangguran. Masalah pengangguran ini biasanya terjadi dalam kalangan gelandangan di mana mereka tidak mendapat sebarang pekerjaan untuk menampung mahupun menyara kehidupan mereka. Hal ini dapat dibuktikan oleh informan 10 bahawa beliau sudah beberapa kali cuba meminta pekerjaan tetapi tiada majikan yang mahu mengambil beliau untuk bekerja atas alasan beliau adalah berusia dan tidak mempunyai alamat yang tetap. Menurut beliau:

“...bukan apa saya jadi begini, sebab saya takda kerja. Saya dah cuba nasib nak kerja kat sini tapi depa tak mau ambil saya bekerja. Mana saya mau cari duit...”

(Temu bual mendalam, Informan 10).

Tiada pekerjaan merupakan faktor penting yang perlu ditangani untuk mengurangkan risiko gejala gelandangan. hal ini dipersetujui oleh Steen et al. (2012) yang menyatakan bahawa tiada pekerjaan menyumbang kepada gejala gelandangan di mana mereka menghadapi banyak halangan dalam memperoleh pekerjaan terutamanya pekerjaan yang membayar upah hidup dan tidak bersifat sementara. Menurut kajian

dalam Herman et al. (1997) pula, 10 daripada gelandangan yang telah ditemui bual menyatakan bahawa tiada pekerjaan merupakan faktor utama yang membawa mereka untuk memilih hidup bergelandangan. Kajian oleh Norazaliza (2012) juga menyatakan bahawa 90 peratus daripada responden yang ditemubual oleh beliau adalah penganggur. Statistik pengangguran di Malaysia juga menunjukkan hampir setengah juta rakyat negara ini adalah penganggur dan tidak mempunyai pekerjaan (Mohamed et al., 2017). Tanpa pekerjaan dan sumber pendapatan, akan menyebabkan masalah untuk menyewa rumah khususnya di kawasan bandar George Town yang terkenal sebagai bandar yang mempunyai kos sara hidup yang tinggi.

Faktor kedua tertinggi adalah tiada tempat tinggal dan pengaruh dadah di mana kedua-dua faktor ini melibatkan seramai 3 orang informan gelandangan untuk setiap faktor tersebut. Faktor tiada tempat tinggal sebegini akan mendorong seseorang itu untuk menjadi gelandangan, memilih untuk hidup dan tidur di jalanan, di kaki lima dan sebagainya. Dalam kes ini, tiada tempat tinggal adalah berkait rapat dengan kadar sewa rumah yang mahal. Di Pulau Pinang khususnya George Town, sewaan setiap rumah mahupun bilik adalah mahal sehingga membuatkan sesetengah orang tidak mampu untuk menyewa mahupun membeli rumah tersebut. Hal ini dapat dibuktikan oleh Informan 2 yang menyatakan bahawa walaupun beliau mempunyai pekerjaan, namun beliau masih tidak mampu untuk membayar sewa rumah di George Town kerana gaji beliau tidaklah besar. Jadi beliau memilih untuk hidup di jalanan sebagai langkah terakhir. Beliau berkata:

“...sewa rumah kat sini mahai sangat. Tak mampu la nak bayaq sewa. Nak sewa bilik pun tak mampu, ni pulak nak sewa rumah, memang tak boleh laa...”

(Temu bual mendalam, Informan 2).

Hal ini dinyatakan oleh Kemp et al. (2001), trend tiada tempat tinggal dalam kalangan gelandangan dipengaruhi oleh faktor-faktor seperti permintaan dan kemampuan bekalan perumahan dan juga pengangguran. Menurut National Coalition for the Homeless (2007), kebanyakan gelandangan tidak dapat menyediakan wang yang secukupnya untuk membayar sewa walaupun bekerja pada setiap hari. Sesetengah daripada mereka walaupun bekerja dalam dua pekerjaan gaji minimum masih belum mempunyai wang yang cukup untuk menyewa rumah.

Manakala, bagi faktor pengaruh dadah pula, dalam kebanyakan kajian mengenai permasalahan gelandangan, pengaruh dadah biasanya menjadi salah satu faktor utama mengapa seseorang itu menjadi gelandangan. Hal ini dapat dibuktikan oleh Informan 3 bahawa beliau menjadi gelandangan kerana pengaruh dadah yang dihadapi oleh beliau. Beliau terjebak dengan dadah tersebut akibat daripada pengaruh rakannya. Menurut beliau:

“...bermula dengan dadah la. Pengaruh kawan dulu. Bila family tau saya ambil dadah tu, depa pun buang saya sebab depa tak nak dadah-dadah dalam rumah. Lagi pun depa malu dengan orang kampung sebab ada anak hisap dadah macam saya. Jadi saya bawa diri jauh-jauh la...”

(Temu bual mendalam, Informan 3).

Masalah ketagihan dadah juga nyata sekali berkaitan dengan gelandangan di George Town. Johnson dan Gerstein (1997) membuat kesimpulan bahawa penggunaan dadah ialah salah satu faktor risiko paling penting untuk episod pertama berlakunya gejala gelandangan. Malah, Didenco dan Pankratz (2007) juga menyatakan bahawa di mana dua pertiga daripada gelandangan melaporkan bahawa dadah adalah salah satu sebab utama mereka menjadi gelandangan dan penyalahgunaan dadah lebih biasa terjadi dalam kalangan gelandangan dewasa.

Seterusnya, faktor ketiga tertinggi adalah konflik keluarga dengan melibatkan seramai 2 orang informan gelandangan. Menurut Fitzpatrick et al. (2000), sebilangan gelandangan melaporkan masalah dengan ahli keluarga termasuk konflik serius dengan ibu bapa, kadang-kadang berakhir dengan keganasan. Ran et al. (2006) menyatakan bahawa individu yang bujang, bercerai dan berpisah merupakan faktor yang berkaitan dengan kadar peningkatan populasi gelandangan. Hal ini dapat dibuktikan oleh Informan 6 bahawa beliau diceraikan atas sebab tidak memberi wang kepada suaminya untuk membeli dadah. Beliau juga mengalami tekanan fikiran selepas diceraikan dan mengambil keputusan untuk berhenti kerja dan hidup sedemikian rupa. Menurut beliau:

“...masa bercerai dulu sebab bergaduh, dia amik itu dadah. Asyik minta duit pada saya nak beli itu dadah. Saya mana mau ada duit. Bila saya tak bagi duit dia cerai dan tinggalkan saya. Saya tak tau nak pi duk mana. Saya tak dapat pikir dengan baik masa itu, saya berhenti kerja. Jadi saya duk kat sini saja la...”

(Temu bual mendalam, Informan 6).

Bagi faktor seperti diusir dari rumah dan tiada ahli keluarga, masing-masing melibatkan seramai 1 orang informan gelandangan untuk setiap faktor tersebut. Menurut Informan 12, beliau diusir dari rumah oleh ibu bapanya kerana beliau merupakan seorang bekas banduan. Disebabkan beliau adalah bekas banduan, ibu bapanya berasa malu dengan beliau. Penduduk di kampung seringkali melemparkan persepsi buruk terhadap dirinya. Beliau berkata:

“...kena halau dari rumah. Mak ayah halau sebab depa tak leh terima saya. Yela saya dulu pernah masuk penjara sebab ada kes jenayah. Orang kampung duk tengok pelik kat saya. Mak ayah saya rasa malu la dengan saya. Lagipun saya tak sanggup nak bebankan depa lagi. Benda yang lepas tu pun saya tak buat dah...”

(Temu bual mendalam, Informan 12).

Hal ini disokong oleh Barack (2002) di mana beliau berpendapat bahawa persepsi masyarakat seolah-olah menyamakan gelandangan dengan jenayah, sama ada kepercayaan ini disokong secara emperikal mahupun tidak. Dapatkan kajian ini selari dengan kenyataan DeLisi (2000), iaitu apabila memikirkan tentang gelandangan, pandangan masyarakat mungkin mahu gelandangan dibantu dengan cara yang subjektif, tetapi pada masa yang sama mungkin melihatnya sebagai ancaman yang bahaya dan terdedah kepada tingkahlaku jenayah.

Manakala, bagi faktor Tiada Ahli Keluarga pula, menurut Informan 14, beliau merupakan anak tunggal dalam keluarganya. Ibu bapanya telah meninggal dunia lebih dari 10 tahun yang lalu. Disebabkan tiada ahli keluarga, beliau merasakan hidupnya terumbang ambing dan tiada arah tujuan. Selain itu, beliau bukanlah berasal daripada keluarga yang berharta. Beliau membawa diri ke George Town untuk mencari arah tujuan hidup dan sekarang bekerja sebagai staf keselamatan di salah sebuah pusat beli belah di sekitar George Town. Beliau pernah menyewa rumah dahulu tetapi terpaksa berhenti menyewa kerana tidak cukup wang untuk membayar sewa. Beliau berkata:

“...mak pak dah takda lebih 10 tahun dah. Adik-beradik pun takda sebab anak tunggal. Duk sorang-sorang ja macam tak tentu hala. So mai sini jadi macam ni pun ada kawan gak kat-kat sini. Dulu pernah menyewa kat Sungai Pinang. Tapi tak mampu nak bayar sewa sebab tak cukup duit. Gaji yang ada pun tak cukup la...”

(Temu bual mendalam, Informan 14).

Menurut Ravenhill (2000), masalah keluarga merupakan titik permulaan yang paling biasa bagi gelandangan tanpa mengira usia. Menurut Fertig et al. (2008), tiada ahli keluarga merupakan salah satu faktor pendorong kepada seseorang itu mengambil keputusan untuk menjadi gelandangan disebabkan oleh hidup mereka yang terumbang ambing dan tiada panduan hidup kerana mereka tiada ahli keluarga. Kajian Rafiza (2013) pula mendapati 99 peratus daripada gelandangan yang ditemu bual tidak mempunyai keluarga sama ada melarikan diri daripada keluarga, ditinggalkan keluarga dan dipinggirkan oleh keluarga.

PERBINCANGAN

Melalui hasil dapatan kajian ini menunjukkan bahawa kebanyakan responden gelandangan yang berada di Pulau Pinang khususnya George Town terdiri daripada kalangan lelaki yang berusia 31 tahun hingga 40 tahun. Gelandangan di George Town juga kebanyakannya berbangsa Melayu dan beragama Islam dan diikuti oleh bangsa Cina dan India. Hal ini disokong oleh Nasir (2016) yang menyatakan bahawa golongan gelandangan di Malaysia kebiasaannya terdiri daripada kaum Melayu, Cina dan India. Gelandangan yang berada di George Town bukan sahaja mereka yang berasal dari negeri Pulau Pinang, malah dari negeri-negeri lain juga seperti Kedah, Perak, Perlis, Kelantan, Kuala Lumpur, Melaka dan Johor. Kebanyakan mereka berasal dari Kedah dan Perak di mana kedua negeri ini berada di dalam wilayah utara Semenanjung

Malaysia. Faktor ruangan dan jarak yang dekat di antara kedua negeri di utara ini menyebabkan mereka berhijrah ke Pulau Pinang dan menjadi gelandangan di sini.

Kajian ini mendapati kebanyakan golongan gelandangan di George Town mempunyai latar belakang pendidikan iaitu sijil Penilaian Menengah Rendah (PMR) dan diikuti dengan Sijil Ujian Pencapaian Sekolah Rendah (UPSR) dan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM). Ini menunjukkan bahawa mereka juga mempunyai ilmu di alam persekolahan walaupun mereka tidak berpeluang untuk menimba ilmu di peringkat yang lebih tinggi. Selain itu, terdapat dalam kalangan gelandangan di George Town yang mempunyai pekerjaan antaranya ialah pembantu keselamatan, staf pembersihan, pembantu restoran, operator kilang, penjaga parkir, pemandu, pembantu kedai pakaian, dan pembantu kedai rambut. Walaupun golongan gelandangan sering dipandang negatif oleh masyarakat, namun mereka juga mempunyai latar belakang pendidikan yang memuaskan dan pekerjaan walaupun pekerjaan tersebut bukanlah dalam kategori profesional. Terdapat gelandangan yang mempunyai pendapatan bulanan sebanyak RM 1001 hingga RM 1500. Namun, jumlah pendapatan tersebut masih tidak dapat menampung kehidupan mereka di George Town kerana kos sara hidup yang tinggi, sewaan rumah yang tinggi dan sebagainya. Hal ini juga dinyatakan dalam akhbar (*Sinar Harian*, 25 Mac 2015) bahawa kos sara hidup di Pulau Pinang adalah yang paling tinggi berbanding negeri-negeri lain.

Selain itu, kajian ini mendapati terdapat enam faktor yang menyumbang kepada gejala gelandangan di George Town. Antaranya ialah tiada pekerjaan, tiada tempat tinggal, konflik keluarga, pengaruh dadah, diusir dari rumah, dan tiada ahli keluarga. Faktor-faktor tersebut telah menjadi titik permulaan yang membawa mereka memilih untuk menjalani kehidupan sedemikian. Setiap manusia tidak dapat lari daripada masalah, cuma bergantung pada seseorang itu sama ada beliau dapat menghadapinya dengan kuat maupun sebaliknya. Kebanyakan gelandangan yang ditemui bual menyatakan bahawa mereka sebenarnya tidak rela memilih untuk menjalani kehidupan sebagai gelandangan, namun mereka tidak mempunyai pilihan hidup lain yang lebih baik. Hal ini juga dinyatakan di dalam akhbar (*Utusan Malaysia*, 27 Jun 2017) iaitu ramai daripada gelandangan memilih hidup sebegini akibat daripada masalah keluarga, kewangan dan kesukaran untuk mendapatkan pekerjaan. Malah kebanyakan mereka bertekad untuk memilih kehidupan sebegini kerana ia merupakan satu-satu penyelesaian kepada permasalahan kehidupan yang dihadapi walaupun menyedari ia bukanlah sebuah kehidupan yang baik.

KESIMPULAN

Artikel ini telah membongkar permasalahan yang terjadi kepada golongan gelandangan yang wujud di KOMTAR, George Town ini yang menjadikan mereka berkeadaan sedemikian rupa. Faktor-faktor seperti tiada pekerjaan, tiada tempat tinggal, pengaruh dadah, konflik keluarga, diusir dari rumah dan tiada ahli keluarga menjadi asbab yang mendorong seseorang itu menjadi gelandangan. Jika masalah ini tidak cuba untuk diselesaikan oleh pihak-pihak berkenaan, sudah tentu ia akan merumitkan lagi keadaan dan hidup golongan seperti ini. Berdasarkan pemerhatian, golongan gelandangan tidak perlu dipersepsikan sebagai golongan yang malas, bahaya maupun sampah masyarakat. Mereka juga manusia biasa seperti kita. Yang membezakan mereka dengan kita adalah nasib, masalah dan takdir yang menimpah mereka.

Golongan gelandangan juga bukanlah pemalas seperti yang diwar-warkan oleh umum, terdapat dalam kalangan mereka yang mempunyai kemahiran-kemahiran tertentu seperti memasak, menjahit, bertukang dan sebagainya. Mereka juga bukanlah terdiri daripada golongan yang tiada pendidikan kerana mereka mempunyai pendidikan PMR dan SPM. Jadi mereka bukanlah golongan yang tidak mempunyai ilmu. Disebabkan oleh proses urbanisasi yang tidak dapat dikehjarn oleh sesetengah orang, maka wujudlah permasalahan sebegini. Di samping tiada peluang pekerjaan yang banyak, kos sara hidup yang tinggi, sewaan rumah yang makin mahal dan ketidakprihatinan daripada pihak yang berkepentingan, maka ia merumitkan lagi permasalahan ini. Seharusnya pihak berkenaan membantu golongan ini dengan menyediakan peluang pekerjaan yang baik. Walaupun mereka tidak mempunyai sijil pelajaran yang tinggi, namun mereka mempunyai kemahiran yang tersendiri yang dapat digunakan dalam pekerjaan. Sebagai contoh, gelandangan yang mempunyai kemahiran memasak boleh dibawa masuk bekerja sebagai tukang masak, yang mempunyai kemahiran menjahit pula di bawa masuk bekerja sebagai tukang jahit dan sebagainya. Secara tidak langsung dapat mengurangkan jumlah gelandangan di George Town dan juga Malaysia terutamanya. Sekurang-kurangnya mereka mempunyai pekerjaan yang dapat dilakukan dalam kehidupan seharian. Selain itu, golongan gelandangan juga perlu diberi sesi kaunseling di mana kebanyakan

mereka mempunyai masalah yang berlainan. Kehidupan mereka yang dibiarkan sebegini rupa tanpa mendapat sebarang nasihat mahupun sokongan daripada masyarakat telah menyebabkan mereka menjadi teruk dan terasa dipinggirkan. Akhir sekali, kajian mendalam dan menyeluruh perlu dilakukan oleh pihak berkenaan dalam merangka satu pelan tindakan untuk membantu golongan gelandangan di mana akan menjadikan golongan ini tidak lagi terpinggir di negara sendiri.

RUJUKAN

- Alhabshi, S. M., & Abdul Manan, A.K.. (2012). Homelessness in Kuala Lumpur, Malaysia: A case of agenda denial. *International Journal of Social Science Tomorrow*, 1(2), 1-9.
- Aripin, N., Mustafa, H., & Hussein, A. (2014). Hubungan kedinamikan dalaman dengan keberkesanan pasukan maya: Satu tinjauan di organisasi bertaraf Koridor Raya Multimedia (MSC) yang terpilih. *Jurnal Komunikasi, Malaysian Journal of Communication*, 30, 191-218.
- Barack, G. (2002). Integrative Theories. In D. Levinson (Ed.), *Encyclopedia of crime and punishment*. Thousand Oaks: Sage.
- Ciambrone, S., & Edgington, S. (2009). *Medical respite services for homeless people: Practical planning*. Nashville, TN: Respite Care Providers Network, National Health Care for the Homeless Council.
- Costanza, R., Fisher, B., Ali, S., Beer, C., Bond, L., Boumans, R., Danigelis, N. L., Dickinson, J., Elliot, C., Farley, J., Gayer, D. E., Glenn, L. M., Hudspeth, T., Mahoney, D., McCahill, L., McIntosh, B., Reed, B., Rizvi, S. A. T., Rizzo, D. M., Simpatico, T., & Snapp, R. (2007). Quality of life: An approach integrating opportunities, human needs, and subjective well-being. *Ecological Economics*, 61(2), 267-276.
- DeLisi, M. (2000). Who is more dangerous? Comparing the criminality of adult homeless and domiciled jail inmates: A research note. *International Journal of Offender Therapy and Comparative Criminology*, 44(1), 59-69.
- Didenko, E., & Pankratz, N. (2007). Substance Use: Pathways To Homelessness? Or A Way Of Adapting To Street Life? *Visions : BC's Mental Health and Addictions Journal*, 4(1), 9-10.
- Drani, S. (2016). Dinamik kehidupan golongan gelandangan di Pulau Pinang. Tesis Doktor Falsafah. Universiti Sains Malaysia.
- Fazel, S., Geddes, J. R., & Kushel, M. (2014). The health of homeless people in high-income countries: descriptive epidemiology, health consequences, and clinical and policy recommendations. *The Lancet*, 384(9953), 1529-1540.
- Fertig, A. R., & Reingold, D. A. (2008). Homelessness among at-risk families with children in twenty American cities. *Social Service Review*, 82(3), 485-510.
- Fitzpatrick, S., Kemp, P. A. & Klinker, S. (2000). *Single homelessness: An overview of research in Britain*. Bristol: The Policy Press.
- Flaming, D., Burns, P., & Matsunaga, M. (2009). Where we sleep: Costs when homeless and housed in Los Angeles. Los Angeles, CA: Economic Roundtable. Diperoleh daripada <https://economicrt.org/publication/where-we-sleep/>
- Frankish, C. J., Hwang, S. W., & Quantz, D. (2005). Homelessness and health in Canada: research lessons and priorities. *Canadian Journal of Public Health/Revue Canadienne de Sante'e Publique*, 23-29.
- Gaetz, S., Gulliver, T., & Richter, T. (2014). *The state of homelessness in Canada 2014*. Canadian Homelessness Research Network Press.
- Ghee, W. Y., & Omar, R. N. B. R. (2015). Homelessness in Malaysia: Victims of circumstance or by Choice? *Asian Journal for Poverty Studies*, 1(1), 26-29.
- Herman, D. B., Susser, E. S., Struening, E. L., & Link, B. L. (1997). Adverse childhood experiences: are they risk factors for adult homelessness? *American Journal of Public Health*, 87(2), 249-255.
- Jellinek, L. (1977). The Pondok of Jakarta. *Bulletin of Indonesian Economic Studies*, 13(3), 67-71.
- Johnson, R. A., & Gerstein, D. R. (1998). Initiation of use of alcohol, cigarettes, marijuana, cocaine, and other substances in US birth cohorts since 1919. *American Journal of Public Health*, 88(1), 27-33.
- Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM). (2010). *Profil golongan gelandangan (homeless) di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur*. Kuala Lumpur.
- Kemp, P., Lynch, E., & Mackay, D. (2001). *Structural trends and homelessness: A quantitative analysis*. Edinburgh: Scottish Executive Central Research Unit.
- Laws of Malaysia. (2006). Destitute Persons Act 1977, (Incorporating all amendments up to 1 January 2006) Act 183, Laws of Malaysia. Diperoleh daripada <http://www.agc.gov.my>
- Lee, E. S. (1996). A Theory of Migration, *Demography*, 3(1), 47-57.
- Limebury, J., & Shea, S. (2015). The role of compassion and 'Tough Love' in caring for and supporting the homeless: experiences from 'Catching Lives' Canterbury, UK. *Journal of Compassionate Health Care*, 2(1), 2-9.
- Ludo, P. (2008). Inter-State Migration in Mexico, 1995-2000: A Flexible Poisson Gravity Modeling Approach. Working paper. Hasselt University, Belgium.

- Marpsat, M. (1999). An advantage with limits: The lower risk for women of becoming homeless. *Population Paris*, 54(6), 885-932.
- Maslow, A.H. (1954). *Personality and Motivation*. Harlow, England: Longman, 1, 987.
- Mohamad, M. S., Ismail, K., Subhi, N., & Omar, N. H. (2016). Hubungan di antara kesihatan mental dengan minat kerjaya dalam kalangan gelandangan di Kem Desa Bina Diri, Malaysia. *Akademika*, 86(1), 11-19.
- Mohamed, R., Awang, J., Long, A.S., & Rahman, Z.A. (2017). Keperluan gelandangan terhadap sistem sokongan agama. *Jurnal Sultan Alauddin Sulaiman Shah*, 4(1), 82-92.
- Muhammad Safuan, A.G., Mohmadisa, H. Nasir, N., Yazid, S. Hanifah, M. & Arifin, R. (2015). Status bunyi bising trafik di bandaraya Kuala Terengganu, Terengganu. *Geografi*, 3(2), 74-84. Diperoleh daripada <https://ejournal.upsi.edu.my/GetFinalFile.ashx?file=c579c359-a6ee-44a8-a1b6-98726a0309bb.pdf>.
- Nasir, N. C. M. (2016). Aspek-aspek keluarga dan penglibatan remaja perempuan dalam tingkah laku delinkuensi. *Geografi*, 4(2), 54-64. Diperoleh daripada <https://ejournal.upsi.edu.my/GetFinalFile.ashx?file=84080349-05a1-4cb8-a2ea-a4952eb75908.pdf>.
- National Coalition for the Homeless, (2007). Who is Homeless?. NCH Fact Sheet #3. Washington, DC. Diperoleh daripada <http://www.nationalhomeless.org/publications/facts/Whois.pdf>
- National Coalition for the Homeless. (2011). *Hunger and Food Security*. Diperoleh daripada <http://nationalhomeless.org/wp-content/uploads/2014/06/Food-Insecurity-Fact-Sheet.pdf>
- Norazizaliza, A. (2012). *Tahap tekanan dan kesediaan mendapatkan khidmat kaunseling golongan gelandangan di Rumah Anjung Singgah*. Tesis Sarjana. Universiti Putra Malaysia yang tidak diterbitkan.
- North, C. S., & Smith, E. M. (1993). A comparison of homeless men and women: different populations, different needs. *Community Mental Health Journal*, 29(5), 423-431.
- Olufemi, O. (2000). Feminisation of poverty among the street homeless women in South Africa. *Development Southern Africa*, 17(2), 221-234.
- Portal Rasmi Jabatan Kebajikan Masyarakat. (2015). Statistik gelandangan di Malaysia dari tahun 2013 hingga 2015. Diperoleh daripada <http://www.jkm.gov.my/jkm/index.php>
- Rafiza, M. (2013). *Tret personaliti dan religiositi gelandangan musim di Pusat Rujukan Intervensi Anjung Singgah, Kuala Lumpur*. Disertasi Sarjana, Fakulti Pengajian Islam. Universiti Kebangsaan Malaysia yang tidak diterbitkan.
- Rafiza, M. (2015). *Gelandangan antara tret persolaniti dan religiositi*. Terbitan Institut Terjemahan & Buku Malaysia Berhad.
- Ran, M. S., Chan, C. L. W., Chen, E. Y. H., Xiang, M. Z., Caine, E. D., & Conwell, Y. (2006). Homelessness among patients with schizophrenia in rural China: a 10-year cohort study. *Acta Psychiatrica Scandinavica*, 114(2), 118-123.
- Rashid, M. F. A., Teriman, S., Omar, W. R. W., & Zin, M. R. M. (2016). Migrasi bandar-bandar di Malaysia: Kajian kes Wilayah Koridor Ekonomi Pantai Timur. *Geografia*, 12(4), 131-146.
- Ravenhill, M. (2000). *Routes into homelessness: A study by the centre for the analysis of social exclusion of the paths into homelessness of homeless clients of the London Borough of Camden's Homeless Persons Unit*. Camden. England, Housing Department.
- Robson, P. & Poustie, M. (1996). *Homelessness and the law in Britain*. London: Butterworths and Planning Exchange).
- Seychuk, C. (2004). The invisible, visible homelessness in a rural bc community. *BC Institute Against Family Violence Newsletter, Fall*. Diperoleh daripada <http://www.bcifv.org/resources/newsletter/2004/fall/invisible.shtml>
- Shipley, S. L., & Tempelmeyer, T. C. (2012). Reflections on homelessness, mental illness, and crime. *Journal of Forensic Psychology Practice*, 12(5), 409-423.
- Sinar Harian. (18 November 2015). *Dunia gelandangan dan penyalahgunaan dadah*. Diperoleh daripada <http://www.sinarharian.com.my/kampus/dunia-gelandangan-dan-penyalahgunaan-dadah-1.453040/>
- Sinar Harian. (22 Julai 2014). *Polis pelancong Pulau Pinang kini berimej baharu*. Diperoleh daripada <http://www.sinarharian.com.my/kolumnis/polis-pelancong-p-pinang-kini-berimej-baharu-1.302092>
- Sinar Harian. (25 Mac 2015). *Kos hidup di Pulau Pinang makin tinggi*. Diperoleh daripada <http://www.sinarharian.com.my/mobile/edisi/utara/kos-hidup-di-pulau-pinang-makin-tinggi-1.372619>
- Sinar Harian. (8 Julai 2014). *Cungkil punca sebenar lahirnya gelandangan*. Diperoleh daripada <http://www.sinarharian.com.my/semasa/cungkil-punca-sebenar-lahirnya-gelandangan-1.297666>
- Speak, S. & Tipple, A. G. (2007). Housing and homelessness in developing nations. In *Homelessness Handbook*, Eds. Levinson, & Ross. Berkshire: Open University Press.
- Steen, A., Mackenzie, D., & McCormack, D. (2012). Homelessness and unemployment: Understanding the connection and breaking the cycle. *Swinburne Institute for Social Research* (Ed.), Swinburne University.
- Utusan Malaysia. (15 Mei 2017). *Gelandangan perlu dibantu*. Diperoleh daripada <http://www.utusan.com.my/rencana/forum/gelandangan-perlu-dibantu-1.481449>
- Utusan Malaysia. (27 Jun 2017). *Gelandangan: Di mana penyelesaiannya?* Diperoleh daripada <http://www.utusan.com.my/berita/nasional/gelandangan-di-mana-penyelesaiannya-1.497319>
- Wilkins, D., Payne, S., Granville, G., & Branney, P. (2008). *The gender and access to health services study: Final Report*. Department of Health, University of Bristol, London.

- Yani, N. M. A., Zahari, N. Z., Samah, N. F. H. A., Azahar, A. F. M. A., Yasin, S. M., Saman, M. S. A., & Noor, N. A. M. (2016). Factors associated with homelessness and its medical issues among urban Malaysians: A qualitative research. *Journal of Clinical and Health Sciences*, 1(1), 46-58.
- Yazid, S., Hanifah, M., Mohmadisa, H. & Nasir, N. (2015). Small towns sustainability in Bernam Valley from human welfare perspectives. *Geografi*, 3(2), 28 – 36. Diperoleh daripada <https://ejournal.upsi.edu.my/GetFinalFile.ashx?file=daa89061-a35e-40ee-be1c-0b26815144eb.pdf>.